

DR SHAFIE ABU BAKAR

TOKOH PERSURATAN DUNIA NUMERA 2013 (NUSANTARA MELAYU RAYA)

UTAMA BIODATA ANUGERAH PUISI ANEKDOT BUKU GAGASAN DAN TEORI MEMOIR HUBUNGI KAMI

March 3, 2018

[ANDA PELAWAT KE \(MULA 04JUN2008\)](#)

CABARAN BAGI MENDIRIKAN MASJID AL-FALAH (BARU)

1 7 7 8 6 9




PENULISAN DR SHAFIE ABU BAKAR

BBB, 14 Jamadil Akhir 1439H. = 02 Mac 2018M. (Juma`at):


Sungai Ramal Dalam adalah bersempadan dengan Bandar Baru Bangi (BBB) yang dibangunkan sebagai Bandar pemangkin bagi perkembangan Universiti Kebangsaan Malaysia. Walaupun pada permulaan bandar ini kurang mendapat sambutan untuk dihuni, kerana dianggap jauh di tengah hutan kelapa sawit dan tiada kemudahan, tetapi selepas dua puluh tahun dibuka (1977-1997) BBB menjadi rebutan lantaran wujudnya lebuh raya Utara-Selatan (disambung ke selatan dari Bangi selepas 1980an), Lapangan Terbang Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang dibuka (1997) dan Putrajaya juga dibuka (2001), BBB dilihat bandar yang berada ditiga segi emas antara KL-Seremban, dan Putrajaya dan gerbang bagi seluruh dunia melalui KLIA. Perumahan menjadi rebutan, kelilingnya lahir berbagai institusi pengajian tinggi dan BBB diprojekkan sebagai Bandar Ilmu. Seluruh kawasan di BBB dihuni, bahkan perumahan berkembang ke Seri Putra dan Bukit Mahkota, manakala kawasan-kawasan berhampiran dengan BBB seperti Pekan Bangi, Kajang, Sungai Ramal Luar dan Dalam menjadi buruan bagi mereka yang mencari tapak-tapak perumahan dan berspekulasi mengenai hartanah. Bandar Baru Bangi ketika Penulis menjadi ADUN Kajang meningkat dari segi populasi dari 50,000 sekitar 1990an menjadi 150,000 awal 2000. Kini penduduk berjumlah 250,000. Dalam masa yang sama kependudukan melemah termasuklah ke Sungai Ramal Dalam. Perumahan bertambah hingga menyebabkan sekolah Rendah Kebangsaan kekurangan tempat dan Masjid al-Falah yang lama juga kekurangan tempat.

Menurut Ustaz Dr. Ideris Endut dengan situasi yang digambarkan di atas Masjid Sungai Ramal Dalam berdepan:

- Masjid Al-Falah Sungai Ramal Dalam yang telah uzur yang hanya dapat menampung kira-kira 2,500 jamaah secara padat, tiba-tiba tidak lagi dapat menampung pertambahan jamaah. Masjid ini bukan saja menampung ahli kariah Sungai Ramal Dalam, tetapi juga ahli jamaah BBB, terutama dar Seksyen Lapan BBB yang bersempadan dengan BBB. Masjid ini juga menampung jamaah dari Taman Surada dan perumahan sekitar yang juga berhampiran dengan Sungai Ramal Dalam. Bagi mengatasi kesesakan sebahagian dari penduduk Sungai Ramal Dalam dan penduduk Seksyen Lapan BBB mulai berpindah berjamaah dan berjumaat di Masjid Al-Hasanah yang dibuka pada tahun 2001.
- Cabaran perancangan yang dihadapi oleh Sungai Ramal Dalam menurut Dr. Ideris ialah masalah kesempitan ruang, khususnya berdekatan dengan masjid (lama) adanya dua sekolah - Sekolah Rendah Kebangsaan dan Sekolah Agama, kesempitan bagi laluan anak-anak ke sekolah, lebih-lebih lagi bagi jamaah, khususnya bagi yang membawa kenderaan, terutama pada hari Jumaat amat sukar bagi jamaah untuk parkir kenderaan. Ruang pada tempat tapak masjid yang baru didirikan pada satu masa dulu adalah tanah kosong yang tidak bertar, tetapi selepas 2010, kawasan ini diberi tar dan dapat menampung sebahagian dari kenderaan, tetapi masalah parkir tetap berterusan.
- Dr. Ideris juga menyebut masalah pembangunan di Sungai Ramal Dalam yang kini dipenuhi dengan rumah asal dan taman-taman perumahan. Bagi taman perumahan yang baru ada disediakan jalan masuk keluar yang sesuai, tetapi bagi kawasan perumahan yang lama, ialah masalah jalan terlalu sempit. Contoh jalan dari seksyen 8 ke Jalan Masjid terlalu sempit, beberapa kali diusahakan bagi mengambil tanah bersebelahan jalan, tetapi mendapat halangan, hanya ditingkatkan secara bertar dan masih sempit. Jalan-jalan kampung yang lama juga sempit, walau bagaimana keseluruhan jalan ditarkan pada masa Penulis menjadi ADUN, hingga ke tangga rumah.
- Bagi melastarikan Sungai Ramal Dalam perlu melibatkan pembangunan secara menyeluruh. Misalnya pada masa Penulis menjadi ADUN jalan utama dari jalanraya Kajang Ke Serdang masuk ke Sungai Ramal dapat diperbesarkan dan ditarkan secara elok oleh kerana tiada halangan dari segi pemilikan tanah. Perparitan yang sempit yang menyebabkan sering berlaku banjir dilebar dan diperdalamkan hingga dapat mengurangkan banjir dan jalan-jalan di keseluruhan Sungai Ramal Dalam diperbaiki dan ditarkan. Sungai Ramal Dalam dapat dikatakan maju dan sama membangun seperti di tempat-tempat lain.
- Ustaz Dr. Ideris juga memaklumkan bahawa terdapat harta-harta waqaf di Sungai Ramal Dalam yang mungkin antaranya merupakan hak masjid yang perlu diuruskan dengan baik, manakala harta waqaf yang lain terletak di bawah urusan-JAIS dan MAIS.
- Dalam keadaan Sungai Ramal Dalam sebagaimana yang digambarkan membangun, khususnya dengan pertambahan penduduk, maka dilihat perlunya kepada pembinaan masjid yang baharu. Apalagi tapak bagi masjid ini sudah wujud, iaitu tanah wakaf bagi masjid berkenaan. Inilah menggerakkan Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Dato` Maulud dan Penolongnya Tuan Haji Ismail serta ahli



~PERSURATAN SUFI~



~MEREALISAKAN BANGI BANDAR ILMU~



~TEORI TAKMILAH~

jawatankuasa menggerakkan usaha mendirikan masjid yang bangunannya sudah dapat disaksikan kini, walaupun masih belum siap dan memerlukan dana. Sekian.

ditulis oleh Dr Shafie Abu Bakar at [8:12 AM](#)

No comments:

Post a Comment

Enter your comment...

Comment as: Syahrul Sazli


Notify me

[Newer Post](#)


[Home](#)

[Older Post](#)


Subscribe to: [Post Comments \(Atom\)](#)



~PUNCAK RINDU~
Himpunan Puisi Kerohanian Dr Shafie Abu Bakar



~GAGASAN BANGI~
Himpunan penyertaan Pertandingan Penulisan Esei dan Puisi Bangi Bandar Ilmu 2012



~BANGI BANDAR ILMU~

